

Baraqah Beggers Raih Kemenangan

Kuantan, 7 Mac – Kumpulan nasyid Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang dikenali dengan nama Baraqah Beggers terus meraih kemenangan apabila dinobarkan tempat kedua dalam Pertandingan Nasyid antara Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) Daerah Kuantan 2015 yang berlangsung di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS) Kuantan baru-baru ini.

Kumpulan Baraqah Beggers yang dikelolakan Sekretariat Kebudayaan & Kesenian UMP Pekan tampil dengan dua buah lagu yang mana lagu pertama ciptaan penyanyi terkenal Maher Zain bertajuk 'InShaaAllah' berentak Arab moden dan lagu kedua ciptaan sepenuhnya alumni penyanyi nasyid UMP bertajuk 'Alpa' yang bertemakan nasyid moden kontemporari.





Baraqah Beggers membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak tiga ratus ringgit, hamper dan piala iringan. Manakala johan pertandingan dimenangi oleh Kumpulan Kolej Antarabangsa IKIP dan tempat ketiga dimenangi oleh tuan rumah sendiri iaitu kumpulan nasyid dari POLISAS.

Bagi Pegawai kebudayaan, Unit Budaya dan Seni Kreatif, Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMP Kampus Pekan, Noor Afiza Mohd Asmi selaku penasihat kumpulan ini berkata, "Bukan mudah bagi kumpulan ini untuk meraih kejayaan apabila berhadapan dengan pelbagai dugaan semasa sesi latihan ditambah dengan kesuntukan masa yang mereka hadapi dalam mempersiapkan diri untuk menyertai pertandingan ini," katanya.

Beliau turut berpuashati dengan komitmen yang tinggi di kalangan ahli kumpulan. Begitu juga dengan sokongan yang diterima pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (SAffAD) terutamanya di kalangan staf Unit Budaya dan Seni Kreatif.



Sementara itu, mahasiswa tahun satu dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Mohd Amirul Hilmi Mohd Hanoin menyifatkan penglibatan mereka dalam pertandingan ini merupakan cabaran yang mampu mengukur sejauh mana keupayaan Baraqah Beggers dalam mengimbangkan diri dalam aktiviti dan akademik. Beliau berharap kejayaan kali ini mencetus semangat mereka untuk Festival Nasyid MAKUM yang bakal diadakan tidak lama lagi.

Berita dan gambar disediakan Noor Afiza Mohd Asmi dari Unit Budaya dan Seni Kreatif, Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMP Kampus Pekan.